

UMS tubuh pusat penyelidikan aspek keselamatan di Sabah

DE 2.1.2014 6
KOTA KINABALU:

Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menubuhkan pusat penyelidikan yang turut berfungsi sebagai pusat rujukan berkaitan hal ehwal Sabah termasuk aspek keselamatan, selewat-lewatnya hujung bulan ini.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata pusat itu akan menjadi platform bagi membantu kerajaan menangani isu-isu keselamatan khususnya di perairan Sabah.

"Penubuhan pusat itu kini di peringkat akhir kerana masih menunggu

sokongan Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) yang akan bermesyuarat bulan ini.

"Pusat ini dilihat sebagai platform kerana semua jenis hasil penyelidikan strategik dan keselamatan ditempatkan di dalam satu pusat," katanya kepada pemberita selepas selepas melancarkan Sambutan 20 Tahun Penubuhan UMS di Dataran Dewan Canselor UMS di sini, pada Rabu.

Mohd Harun berkata pihak universiti akan menyalurkan peruntukan mengikut kemampuan bagi pusat itu

menjalankan penyelidikan kerana setakat ini pihaknya tidak memperoleh sebarang geran atau peruntukan kerajaan bagi penubuhan pusat tersebut.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata pihaknya masih memperhalusi bentuk kerjasama dengan Institut Keselamatan Awam Malaysia (Ipsom) bagi menjalankan kajian tentang isu keselamatan di perairan Sabah termasuk Kawasan Khas Keselamatan Pantai Timur Sabah (Esscom).

Beliau berkata sebarang penye-

lidikan terutamanya di perairan pantai Sabah memerlukan pemahaman dari pelbagai sudut seperti sosiobudaya, ekonomi dan kehidupan masyarakat tempatan.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan penubuhan Menara Jam yang akan menjadi mercu tanda UMS di bulatan pintu masuk utama universiti tersebut yang dijangka siap Jun ini.

Menurutnya UMS merupakan universiti pertama di negara ini yang mempunyai menara jam sebagai mercu tanda. - Bernama